



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR,
Aras 1, Kompleks Mahkamah Kuantan,
Bandar Indera Mahkota,
25200 KUANTAN,
PAHANG

Tel : 09-573 0636/09-573 2407
Faks : 09-573 2412
Laman Web : www.doe.gov.my

Ruj. Kami : JAS.CHQ.600-2/13/4 Jilid 2 (02)

Tarikh : 20 Februari 2023



TAIYO KOKO CO., LTD.
c/o Toyo Engineering & Construction Sdn Bhd
Level 25, Menara Haw Par
Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR

Tuan,

**KELULUSAN LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING
(EIA) BAGI "THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF A METALS
FROM SPENT CATALYST RECOVERY FACILITY (SCaRF) AT GEBENG
INDUSTRIAL ESTATE (GIE), KUANTAN, PAHANG, MALAYSIA"**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang telah menerima Laporan EIA yang bertajuk **THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF A METALS FROM SPENT CATALYST RECOVERY FACILITY (SCaRF) AT GEBENG INDUSTRIAL ESTATE (GIE), KUANTAN, PAHANG, MALAYSIA** yang disediakan Jururunding EIA, EnviroSource Sdn Bhd melalui surat bertarikh 22 September 2022.

3. Laporan EIA berkenaan telah dikaji dengan teliti dan telah dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa EIATRC di Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang pada 11 Oktober 2022. Susulan mesyuarat tersebut, Laporan EIA yang dikemaskini dengan surat bernombor rujukan JAS.CHQ.600-2/13/4 (12) bertarikh 16 Oktober 2022 yang diterima oleh Jabatan pada 17 Oktober 2022 dan didapati Laporan EIA tidak lengkap dan keputusan tidak diluluskan telah dikeluarkan melalui surat bernombor rujukan JAS.CHQ.600-2/13/4 (15) bertarikh 07 November 2022. Laporan EIA yang baru dengan surat bernombor rujukan JAS.CHQ.600-2/13/4 (12) bertarikh 06 Januari 2023 yang diterima oleh Jabatan pada 12 Januari 2023 adalah dirujuk.

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"
"Negaraku, Alam Sekitarku"

...2/-



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001 : 2015

Ruj. Kami : JAS.CHQ.600-2/13/4 Jilid 2 (02)

4. Setelah mengkaji Laporan EIA yang dikemaskini yang telah dikemukakan pada 12 Januari 2023, Jabatan ini mendapati bahawa Laporan EIA tersebut mematuhi **Seksyen 34A(2C)** Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Laporan EIA berkenaan **diluluskan di bawah Seksyen 34A(3)** dengan syarat-syarat kelulusan seperti di **LAMPIRAN 1**.

5. Pihak penggerak projek juga perlu mendapatkan kelulusan yang berkaitan daripada Kerajaan Negeri dan Jabatan-Jabatan Kerajaan lain yang berkaitan sekiranya ada, sebelum projek ini dilaksanakan.

6. Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan bahawa setelah laporan EIA ini diluluskan pihak penggerak projek dikehendaki :

- i. Mengemukakan laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan **diluluskan** oleh Jabatan sebelum sebarang kerja-kerja dimulakan di tapak;
 - ii. Mengemukakan Laporan Ringkasan Maklumat Kemajuan Kerja-Kerja Tanah Dan Pembinaan termasuklah laporan bergambar kemajuan kerja dengan melengkapkan **BORANG EIA 1-18** dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat kelulusan Laporan EIA ini; dan
 - iii. Pengurusan buangan terjadual seperti di Jadual Pertama hendaklah mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
7. Sebarang aktiviti di tapak projek hendaklah diberhentikan **serta merta** apabila berlaku sebarang kegagalan sistem kawalan pencemaran dan dibenarkan beroperasi semula setelah berfungsi sepenuhnya. Kegagalan sistem kawalan pencemaran hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang dalam tempoh 24 jam.

Ruj. Kami : JAS.CHQ.600-2/13/4 Jilid 2 (02)

8. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh surat kelulusan, **kelulusan Laporan EIA ini dengan sendirinya terbatal.**

9. Penggerak projek hendaklah juga mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang dimaklumkan seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3** serta mematuhi arahan Jabatan yang dikenakan dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan sokongan tuan dalam memulihara kualiti alam sekitar ke arah pembangunan lestari amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROHIMAH BINTI AYUB)

Pengarah Bahagian Penilaian Jabatan Alam Sekitar
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

Ruj. Kami : JAS.CHQ.600-2/13/4 Jilid 2 (02)

s.k :

1. Ketua Pengarah,
Jabatan Alam Sekitar,
Kementerian Alam Sekitar dan Air,
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 PUTRAJAYA
(u.p : Bahagian Penilaian/Bahagian Bahan Berbahaya)
2. Ketua Cawangan
Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gebeng
Tingkat 1, Bangunan Kontena Nasional,
Jalan Gebeng 2/3, Kawasan Perindustrian Gebeng,
26080 KUANTAN
3. EnviroSource Sdn Bhd
Wisma Envirosource, No. 13A, Jalan Jernang Jaya 1,
Taman Jernang Jaya, Bandar Baru Bangi
43650 SELANGOR.
4. Unit Perlesenan dan Kebenaran Bertulis
Bahagian Operasi, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang



AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(AKTIVITI YANG DITETAPKAN)
(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015**

JADUAL PERTAMA

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN
LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA
ALAM SEKELILING (EIA)**

Bagi

**THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF A METALS FROM SPENT
CATALYST RECOVERY FACILITY (SCaRF) AT GEBENG INDUSTRIAL
ESTATE (GIE), KUANTAN, PAHANG, MALAYSIA**

untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh:

**TAIYO KOKO CO., LTD.
C/O TOYO ENGINEERING & CONSTRUCTION SDN BHD
LEVEL 25, MENARA HAW PAR
JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR**

A. PENERANGAN BAGI AKTIVITI YANG DITETAPKAN

1. Projek ini bertajuk ***THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF A METALS FROM SPENT CATALYST RECOVERY FACILITY (SCaRF) AT GEBENG INDUSTRIAL ESTATE (GIE), KUANTAN, PAHANG, MALAYSIA*** dan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 seperti berikut:

1.1 Jadual Pertama, Aktiviti 14(a)(i), Jadual Pertama - Buangan Terjadual: Pembinaan loji pulih guna (luar tapak)

B. KONSEP DAN REKABENTUK PROJEK

2. Projek ini adalah terhad kepada aktiviti pembinaan loji pulih guna untuk pemerolehan logam dari buangan mangkin (SW202) yang berkapasiti 7,000T/tahun basah atau 5,595T/tahun kering seperti di ***Figure 5.3(5) Mass Balance for Soda Roasting Section.***
 - (i) Buangan terjadual yang dibenarkan untuk dipulihguna di premis ini hanyalah diperoleh dari punca tempatan sepertimana yang dijelaskan di muka surat 5-4;
 - (ii) Huraian proses yang dijalankan di premis hendaklah menggunakan proses pulihguna sebagaimana konsep yang dicadangkan di ***Figure 5.3(2) ScaRF Process Flow Diagram (PFD);***
 - (iii) Bagi memastikan buangan terjadual menjalani proses yang sesuai, buangan terjadual yang akan diambil hendaklah mengikut kriteria penerimaan buangan (*waste acceptance criteria*) sepertimana yang dijelaskan dalam ***Table 5.3(1) Waste Acceptance Criteria*** di muka surat 5-4.

3. Lokasi projek adalah seperti yang ditunjukkan di dalam **Figure 1.4. (1) Location of Proposes SCaRF Plant in Lot 29132, Gebeng Industrial Estate, Kuantan** di mukasurat 1-3 Laporan EIA. Koordinat tapak projek adalah seperti yang ditunjukkan di dalam **Figure 5.7(1) SCaRF Overall Plant Layout** di mukasurat 5-36.
4. Komponen-komponen projek dan susunatur dalam pelan susun atur bagi cadangan projek ini hendaklah sepertimana yang dinyatakan di dalam mengikut **Figure 5.7(1) SCaRF Overall Plant Layout** di mukasurat 5-36.
5. Sebarang perubahan kepada komponen-komponen dan pelan susun atur hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu.
6. Sebarang pengimportan buangan terjadual dari luar negara untuk diproses di premis atau untuk pelupusan akhir adalah tidak dibenarkan sama sekali.

C. PEMBERITAHUAN BERTULIS / KEBENARAN BERTULIS / LESEN

7. Pemberitahuan Bertulis

- (i) Sebarang pemasangan bahan api, janakuasa dan system kawalan pencemaran udarahendaklah dikemukakan Pemberitahuan Bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.
- (ii) Sebarang pembinaan sistem pengolahan efluen perindustrian bagi tujuan pembuangan atau pelepasan efluen perindustrian hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang sepertimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

D. PENGENDALIAN BAHAN BUANGAN

Buangan Terjadual

8. Buangan Terjadual seperti di Jadual Pertama dalam **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005** hendaklah diurus dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Buangan terjadual hendaklah diperoleh kembali di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

E. KAWALAN DAN PENCEGAHAN

9. Sebarang pelepasan air daripada kolam perangkap mendap atau mana-mana BMP's hendaklah tidak boleh mengandungi parameter:
 - 9.1 Kekeruhan melebihi 250 *Nephelometric Turbidity Unit* (NTU); atau
 - 9.2 Pepejal Terampai (SS) melebihi 50 mg/L.
10. Bunyi bising hendaklah dikawal supaya tidak melebihi paras sepertimana yang ditetapkan dalam dalam garis panduan *Guidelines for Environmental Noise Limits and Control* terbitan Jabatan Alam Sekitar.
11. Sebarang pelepasan dan percontohan gas dan bendasing dari cerobong ke udara hendaklah mematuhi had-had pelepasan seperti yang dinyatakan dalam jadual-jadual berkaitan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.
12. Benteng hendaklah dibina di sekeliling tangki simpanan bahan kimia dan bahan petroleum. Benteng yang dibina hendaklah berupaya menampung sekurang-kurangnya 110% kandungan tangki.
13. Semua kawasan pemindahan bahan kimia, petroleum dan buangan terjadual hendaklah dibina daripada konkrit dan mempunyai kemudahan menyalur serta mengumpulkan bahan tumpahan seperti *collection sump*.

14. Salinan *Emergency Response Plan* (ERP) bagi keseluruhan kemudahan premis untuk menghadapi sebarang kemalangan, kecemasan atau kejadian di luar jangkaan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Meluluskan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar.

D. PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMP)

15. ***Environmental Management Plan* (EMP)** hendaklah disediakan mengikut format dalam *Chapter 6 - Post Submission Stage Of EIA Report, Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia (EGIM)* terbitan Jabatan Alam Sekitar. Dokumen berkaitan *Pollution Prevention and Mitigation Measures* (P2M2) hendaklah dimasukkan di dalam EMP ini dan disediakan mengikut Appendix 4 dalam garis panduan yang sama.
16. Laporan EMP yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk kelulusan sebelum pembangunan projek dimulakan.
17. EMP hendaklah dikemaskini dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sekiranya terdapat pindaan terhadap langkah-langkah kawalan, penangguhan atau penamatan projek, atau arahan terkini daripada Jabatan Alam Sekitar.
18. Sebarang pengemaskinian terhadap EMP hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang.

E. PENGAWASAN ALAM SEKITAR

19. Persampelan pelepasan air dari kolam perangkap mendap atau mana-mana BMP's hendaklah dijalankan setiap bulan dari mula pembangunan projek sehingga dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk dihentikan.
20. Pengawasan kualiti air sungai hendaklah dijalankan setiap bulan dari mula pembangunan projek sehingga dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk dihentikan.

21. Pengawasan kualiti udara ambien hendaklah dijalankan setiap bulan dari mula pembangunan projek sehingga dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk dihentikan.
22. Pengawasan kualiti bunyi bising dan getaran hendaklah dijalankan setiap tiga bulan dari mula pembangunan projek sehingga dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk dihentikan.

F. PELAPORAN

23. Laporan – laporan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang seperti berikut:

Bil	Jenis Laporan	Frekuensi	Tempoh
a.	Status Projek (Borang EIA 1-18)	3 bulan sekali	90 hari dari tarikh kelulusan laporan EIA sehingga tamat projek
b.	Borang Pelaporan Pematuhan Syarat Kelulusan EIA (Borang EIA 2-18)	3 bulan sekali	Bermula projek termasuk kerja-kerja tanah sehingga dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk dihentikan.
c.	Takat Akhir Pelepasan Kolam Perangkap Mendap	3 bulan sekali	
d.	Pengawasan Kualiti Air Sungai	3 bulan sekali	
e.	Pengawasan Kualiti Air Tanah	3 bulan sekali	
f.	Pengawasan Udara Ambien	3 bulan sekali	
g.	Pengawasan Pelepasan Udara	Rujuk PUB 2014	Peringkat Operasi
h.	Pengawasan Bunyi Bising dan Getaran	3 bulan sekali	Bermula projek

Bil	Jenis Laporan	Frekuensi	Tempoh
i.	<i>Aerial View</i> bagi keseluruhan kawasan projek	Setiap bulan	termasuk kerja-kerja tanah sehingga dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang untuk dihentikan.
j.	Pelaporan Keberkesanan Kawalan Hakis dan Kelodakan melalui Sistem ESC Online	Apabila bacaan hujan melebihi 12.5mm/ <i>per event</i>	

G. AUDIT ALAM SEKELILING

24. Audit alam sekeliling pihak ketiga hendaklah dilaksanakan terhadap projek ini berpandukan mengikut *Environmental Audit Guidance Manual*, terbitan Jabatan Alam Sekitar.
25. Segala kos audit alam sekeliling hendaklah ditanggung oleh penggerak projek.
26. Frekuensi perlaksanaan audit adalah seperti berikut:
 - (i) Di peringkat kerja tanah seperti kerja-kerja pembinaan perparitan, pemasangan dan pembinaan BMPs, jalan masuk dan lain-lain setiap empat (4) bulan sekali.
 - (ii) Di peringkat operasi setiap satu (1) tahun sekali atau mengikut arahan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang.

H. PENTADBIRAN

27. Satu salinan surat dan syarat kelulusan Laporan EIA, dokumen EMP, dokumen LDP2M2 dan setiap salinan dokumen yang berkaitan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA hendaklah disimpan di pejabat pengurusan tapak projek.

7/11/13

28. Penggerak projek hendaklah melantik *Environmental Officer* (EO) untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan alam sekitar sebelum projek dimulakan.
29. EO yang dilantik hendaklah mempunyai sijil *Certified Professional for Environmental Officer in EIA* (CePEOEIA) atau *Certified Erosion Sediment and Stormwater Inspector* (CESSWI) atau *Certified Inspector on Sediment and Erosion Control* (CISEC) atau yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dalam tempoh masa enam (6) bulan setelah dilantik oleh penggerak projek.
30. Penggerak projek hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang jika terdapat sebarang pertukaran hak milik atau pengurusan projek dalam tempoh 30 hari dari tarikh pertukaran hak milik atau pengurusan.
31. Pertukaran hak milik hendaklah mendapat kelulusan daripada JAS.
32. Pemilik baru hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap syarat-syarat EIA yang telah dipindah milik bermula dari tarikh pindah milik syarat tersebut diluluskan oleh JAS.
33. Penggerak projek hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling



(ROHIMAH BINTI AYUB)

Pengarah Bahagian Penilaian Jabatan Alam Sekitar
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia
Tarikh: 20 Februari 2023



Lampiran 2

Penggerak projek hendaklah juga mematuhi Peraturan-Peraturan berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014;
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009;
3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009;
4. Buangan Terjadual sepertimana di **Jadual Pertama dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005** hendaklah diurus dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Buangan terjadual ini hanya boleh diperoleh kembali atau dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar;
5. Pembakaran terbuka sisa tumbuhan, sisa binaan atau apa-apa bahan yang boleh terbakar dilarang sama sekali sepertimana dinyatakan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
6. Pemantauan alam sekitar hendaklah merujuk kepada standard-standard berikut:
 - 6.1 *National Water Quality Standards (NWQS) for Malaysia*
 - 6.2 *Ambient Air Quality Standard*
 - 6.3 *Guidelines for Environmental Noise Limits and Control*
 - 6.4 *Guidelines For Vibration Limits and Control*



Lampiran 3

Tugas dan tanggungjawab *Environmental Officer* (EO)

1. EO yang kompeten dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara berkaitan pengurusan alam sekitar dan pelaksanaan semua langkah kawalan hendaklah dilantik.
2. Nama, jawatan dan maklumat perhubungan yang lengkap pegawai berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang sebelum sebarang gangguan tanah dimulakan.
3. EO bagi kawalan hakisan dan sedimen hendaklah mempunyai sijil *Certified Professional for Environmental Officer in EIA* (CePEOEIA) atau *Certified Erosion Sediment and Stormwater Inspector* (CESSWI) atau *Certified Inspector on Sediment and Erosion Control* (CISEC) atau yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.
4. Antara tugas pegawai ini ialah:-
 - 4.1 Menyelia kerja-kerja kawalan hakisan dan sedimen di tapak seperti mana ditetapkan dalam Dokumen *Land Disturbance Pollution Prevention and Mitigation Measures* (LDP2M2) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP);
 - 4.2 Mengemaskini Buku Harian Tapak;
 - 4.3 Menjalankan pemeriksaan harian ke atas langkah-langkah kawalan pencemaran serta struktur Best Management Practices (BMPs), kawalan hakisan dan sedimen termasuk perimeter drain, check dam, silt trap, wash trough, slope protection dan lain-lain;
 - 4.4 Mengadakan mesyuarat tapak setiap dua (2) minggu bersama penggerak projek dan kontraktor;



- 4.5 Menjalankan pengukuran in-situ parameter kekeruhan di takat pelepasan dari alat kawalan sedimen seperti kolam perangkap mendap dalam tempoh tidak melebihi 30 minit selepas hujan. Sekiranya hujan berterusan melebihi 24 jam, pengukuran hendaklah dijalankan sekali pada setiap hari. (Kegagalan mematuhi syarat ini perlu dicatatkan dengan alasan yang kukuh dan munasabah)
- 4.6 Semua langkah amalan *good housekeeping* berasaskan konsep sisih, sapu, susun, seragam dan sentiasa amal (5S) hendaklah dilaksanakan bermula dari aktiviti gangguan tanah dan di sepanjang hayat projek; dan
- 4.7 Melaksanakan tugas-tugas yang diperincikan di dalam *EIA Guideline in Malaysia* (EGIM) terbitan Jabatan Alam Sekitar.



BORANG PELAPORAN PEMATUHAN SYARAT KELULUSAN EIA

Nama Projek :

Pemaju :

No. Fail JAS :

Tarikh Laporan EIA Diluluskan :

Jururunding Laporan EIA :

Tarikh Kelulusan EMP :

Jururunding Pengawasan Post EIA :

No. Syarat (A)	¹ Syarat-Syarat Kelulusan EIA (Nyatakan Dengan Lengkap) (B)	² Ulasan Pemaju (C)

No. Syarat (A)	¹ Syarat-Syarat Kelulusan EIA (Nyatakan Dengan Lengkap) (B)	² Ulasan Pemaju (C)

¹ Sila nyatakan bilangan muka surat pada setiap helaian jadual.

² Ulasan pemaju hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:-

- (i) Ringkasan mengenai langkah kawalan yang dicadangkan di dalam laporan EIA;
- (ii) Langkah kawalan sebenar yang diambil di peringkat pelaksanaan projek. Justifikasi ke atas sebarang pindaan yang dibuat kepada cadangan asal di dalam laporan EIA dari sudut keberkesanan langkah kawalan;
- (iii) Gambar /bukti-bukti sokongan hendaklah juga dilampirkan; dan
- (iv) Perunding dan pemaju diminta membuat perbandingan ke atas ramalan impak/kesan ke atas Alam Sekitar yang dibuat di dalam laporan EIA dengan kesan sebenar pelaksanaan projek ke atas alam sekitar.

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan semua kenyataan dan butir-butir yang dikemukakan di atas adalah benar.

Disediakan oleh *Environmental Officer*

Disahkan oleh Pemaju Projek

Tandatangan :

Tandatangan :

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Cop Rasmi :

Cop Rasmi :

Tarikh :

Tarikh :

BORANG EIA 1-18

NO. RUJUKAN KELULUSAN EIA: _____

BORANG MAKLUMAT STATUS PROJEK EIA

Kepada :

Tarikh:

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri _____

Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan sukacita bersama ini dikembalikan maklumat status projek yang tertakluk kepada EIA untuk perhatian tuan selanjutnya:

1. Nama Projek : _____
 Alamat Tapak : _____
 No. Telefon : _____ No. Faks: _____
2. Nama Pemaju : _____
 Alamat Pemaju : _____
 No. Telefon : _____ No. Faks: _____
3. Pertukaran hakmilik pengurusan: Ya ☐ Tidak ☐
 Jika ya, nyatakan butir-butir pemaju yang baru:
 Alamat : _____
 No. Telefon: _____ No. Faks: _____
4. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) : Diluluskan / Belum diluluskan
 Tarikh Kelulusan JAS: _____ no. rujukan _____
5. Pelan LD-P2M2 : Diluluskan / Belum diluluskan
 (Land-Disturbing Pollution Prevention & Mitigation Measures) Tarikh Kelulusan JAS: _____ no. rujukan _____
 No. Pelan: _____
6. Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodakan (ESCP) (jika berkaitan) : Diluluskan / Belum diluluskan
 Tarikh Kelulusan JPS : _____ no. rujukan _____
 No. Pelan: _____
7. Pelan Susunatur : Diluluskan / Belum diluluskan
 Tarikh Kelulusan PBT/PBM : _____ no. rujukan _____
 No. Pelan: _____
8. Pelan Kerja Tanah : Diluluskan / Belum diluluskan
 Tarikh Kelulusan PBT/PBM : _____ no. rujukan _____
 No. Pelan: _____
9. Status Kemajuan Kerja Projek*: %Siap Tarikh Mula Tarikh Dijangka Siap

☐ Belum dimulakan	_____	_____	_____
☐ Kerja tanah	_____	_____	_____
☐ Pembinaan	_____	_____	_____
☐ Operasi/siap	_____	_____	_____
☐ Tangguh/Terbengkalai	_____	_____	_____
10. Nyatakan peringkat fasa projek (jika berkenaan): _____ (Lampirkan jadual pelaksanaan projek)
11. Sertakan gambarfoto yang menunjukkan status projek

PENGESAHAN : Segala maklumat-maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar:

Tandatangan :
 Nama :
 Jawatan :

Cop Rasmi: